

SULIT

NAMA

TINGKATAN

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2011
TASAWWUR ISLAM

5226/1

Kertas 1
September
1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama, tingkatan, nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B
3. Jawab semua bahagian.
4. Bahagian A mengandungi 20 soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 12 dalam kertas soalan ini.
5. Bahagian B mengandungi 20 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan Bahagian A dan 45 minit untuk Bahagian B.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Markah	
A	20	
B	20	
Jumlah	40	

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A

[20 markah]

- 1 Berikut adalah sumbangan alam terhadap manusia **kecuali**
- A mengekalkan kawasan tadahan hujan.
 - B menjadikan alam sebagai alat perhubungan.
 - C menyediakan keperluan makanan dan minuman.
 - D memudahkan manusia melakukan apa sahaja terhadap alam.

2

“Nabi dan Rasul terpelihara daripada melakukan sebarang dosa kecil atau dosa besar”

Pernyataan di atas merujuk

- A Istidraj
 - B Maksum
 - C Mukjizat
 - D Karamah
- 3 Antara yang berikut yang manakah ciri keunggulan Islam?
- A Mengamalkan tolak ansur dalam semua perkara.
 - B Memberi kebebasan mutlak kepada umatnya.
 - C Menekankan hubungan sejagat.
 - D Mengakui semua agama benar.
- 4 Antara kesan terhadap individu yang beramal tanpa berpandukan wahyu ialah
- I jiwa tidak tenteram.
 - II amalan menjadi sia-sia.
 - III harta semakin berkurangan.
 - IV kehidupan tidak diberkati Allah SWT.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

5

- Menegakkan keadilan
- Menentang kezaliman
- Membela yang dizalimi

Pernyataan di atas merujuk

- A Matlamat kehakiman Islam
- B Prinsip kehakiman Islam
- C Tanggungjawab hakim
- D Kelayakan hakim

6

Hari Kekasih (*Valentine's Day*) merupakan salah satu bentuk ancaman yang boleh melemahkan umat Islam.

Bagaimanakah cara untuk menanganinya?

- I Mendalami ilmu pengetahuan.
 - II Menyemai budaya berkasih sayang.
 - III Menjadikan Islam sebagai cara hidup.
 - IV Mengamalkan budaya tempatan yang positif.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

7

Harta yang dimiliki hendaklah dibelanjakan dengan cara berhemat.

Pernyataan di atas merujuk

- A Cara pemilikan harta
- B Kepentingan hak milik
- C Konsep pemilikan harta
- D Peraturan dalam pemilikan harta

8

Encik X telah menerima sejumlah wang kerana meluluskan satu projek perumahan daripada sebuah syarikat.

Situasi di atas menerangkan

- A riba
 - B rasuah
 - C monopoli
 - D manipulasi
- 9 Antara yang berikut yang manakah ciri-ciri pekerjaan yang digalakkan Islam?
- A Mudah naik pangkat.
 - B Berpendapatan lumayan.
 - C Seronok dan mengembirakan.
 - D Tidak mengganggu ketenteraman awam.
- 10 Antara yang berikut yang manakah matlamat muamalat Islam?
- I Menggalakkan manusia mengutamakan keuntungan.
 - II Menggalakkan manusia bekerja bersungguh-sungguh.
 - III Mewujudkan sebuah masyarakat yang aman sejahtera.
 - IV Memudahkan manusia menikmati kurniaan Allah S.W.T.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 11 Antara yang berikut yang manakah cara yang ditetapkan oleh Islam untuk memelihara keturunan manusia?
- A Melarang umatnya menghina orang lain.
 - B Mengharamkan perbuatan membunuh diri.
 - C Menjatuhkan hukuman sebat kepada pezina.
 - D Mengenakan hukuman potong tangan kepada pencuri.

12

“Hukum harus mendermakan organ badan manusia”

Pernyataan di atas ialah contoh

- A fikah.
 - B fatwa.
 - C qadha.
 - D ijtihad.
- 13 Antara yang berikut yang manakah merupakan prinsip Syumuliyah?
- A Kesempurnaan hanya milik Allah S.W.T.
 - B Allah S.W.T sebagai pemberi peraturan hidup.
 - C Islam menekankan kesederhanaan dalam kehidupan.
 - D Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.
- 14 Antara yang berikut yang manakah contoh hukum wajib?
- A Menutup aurat.
 - B Memberi sedekah.
 - C Membaca al-Quran.
 - D Memakai pakaian yang digemari.

15

Haram ialah larangan Allah S.W.T yang mesti ditinggalkan

Apakah hikmat penetapan hukum haram?

- A Memastikan kepentingan diri manusia terpelihara.
- B Membuktikan kasih sayang Allah S.W.T kepada manusia.
- C Memastikan manusia tidak meninggalkan perkara asas dalam agama.
- D Memberikan kelonggaran kepada manusia membuat pilihan yang sesuai.

- 16 Setiap amalan mesti dilakukan berpandukan syariat Islam.
Antara yang berikut yang manakah kesan ibadat tanpa syariat?
- A Merosakkan iman.
 - B Merosakkan fikiran.
 - C Menimbulkan pergaduhan.
 - D Membawa kepada kemunduran.

- 17 Antara padanan berikut yang manakah **betul** mengenai kesalahan dan jenis hukum jenayah Islam?

	Kesalahan	Hukum Jenayah Islam
A	Berzina	Diat
B	Menipu	Hudud
C	Mencuri	Takzir
D	Membunuh dengan sengaja	Qisas

- 18

Memberi balasan ke atas setiap perbuatan manusia

Memberi keadilan kepada manusia tanpa mengira pangkat

Dapat mewujudkan perpaduan ummah

Pernyataan di atas menerangkan

- A Amalan penyelesaian masalah menurut Islam.
- B Perlakuan penyelesaian masalah menurut Islam.
- C Keperluan penyelesaian masalah menurut Islam.
- D Langkah menyelesaikan masalah menurut Islam.

- 19 Berikut adalah perlakuan dalam penyelesaian masalah **kecuali**
- A niat
 - B tindakan
 - C berdakwah
 - D muhasabah
- 20 Langkah-langkah untuk mewujudkan perpaduan ummah ialah
- I mengelakkan amalan fitnah memfitnah.
 - II mengeluarkan zakat kepada fakir miskin.
 - III mengamalkan toleransi dalam semua perkara.
 - IV menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

	1
--	---

- 21 Perkara luar biasa yang di anugerahkan oleh Allah S.W.T kepada para nabi dan rasul bagi membuktikan kebenaran ajaran yang dibawa.

--

	1
--	---

- 22 Alam yang boleh ditanggapi oleh pancaindera.

--

	1
--	---

- 23 Menceritakan amal baik yang dilakukan agar mendapat pujian.

--

	1
--	---

- 24 Penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu barangan, perdagangan dalam pasaran.

--

Soalan 25 hingga 28

Lengkapkan pernyataan berikut

	1
--	---

- 25 Orang yang tidak beramal dengan tauhid Uluhiyyah akan menjadi _____.

	1
--	---

- 26 Tanggungjawab seorang _____ ialah menjatuhkan hukuman terhadap pesalah secara adil.

	1
--	---

- 27 Islam mengharamkan perbuatan mendapatkan harta secara _____ seperti menyalahgunakan kuasa, memberi dan menerima rasuah.

	1
--	---

- 28 _____ ialah gabungan anggota masyarakat untuk saling menjamin dan menolong untuk meringankan beban orang perseorangan.

Soalan 29 dan 30 berdasarkan jadual A dibawah.

Pembahagian Ilmu

K	S
Ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh setiap umat Islam seperti ilmu tauhid dan fekah	Ilmu yang berkaitan dengan kepentingan kehidupan di dunia yang membawa faedah kepada manusia dan alam seperti ilmu matematik dan sejarah

Jadual A

29 K ialah _____

	1
--	---

30 S ialah _____

	1
--	---

Soalan 31 dan soalan 32 berdasarkan jadual B dibawah

Berikut ialah hukum-hukum yang terdapat dalam Islam.

J	Perintah Allah SWT yang mesti dilaksanakan.
Makruh	Perkara yang amat digalakkan untuk ditinggalkan.
U	Larangan Allah SWT yang mesti ditinggalkan.

Jadual B

31 J ialah hukum _____


	1
--	---

32 U ialah hukum _____

	1
--	---

[Lihat halaman sebelah

Soalan 33 hingga 34 berdasarkan carta di bawah




1

33 R ialah _____

1

34 S ialah _____

Soalan 35 dan 36 berdasarkan kepada gambarajah di bawah:



1

35 T ialah _____

1

36 U ialah _____

Soalan 37 hingga soalan 40

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul.
Tandakan (x) pada pernyataan yang salah.

- 37 Menanam semula pokok yang ditebang merupakan salah satu cara memulihara alam.
- 38 Hadis mentakhsiskan (menentukan) maksud ayat Al-Quran yang khusus.
- 39 Menjual buah yang masih putik adalah sah dan dibenarkan dalam muamalah Islam.
- 40 Islam adalah agama yang memberikan balasan ke atas setiap perbuatan manusia sama ada di dunia dan akhirat.

*Untuk
kegunaan
Pemeriksa*

1

1

1

1

KERTAS SOALAN TAMAT

MARKAH BAHAGIAN B

1

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

1 (A) (B) (C) (D)

2 (A) (B) (C) (D)

3 (A) (B) (C) (D)

4 (A) (B) (C) (D)

5 (A) (B) (C) (D)

6 (A) (B) (C) (D)

7 (A) (B) (C) (D)

8 (A) (B) (C) (D)

9 (A) (B) (C) (D)

10 (A) (B) (C) (D)

11 (A) (B) (C) (D)

12 (A) (B) (C) (D)

13 (A) (B) (C) (D)

14 (A) (B) (C) (D)

15 (A) (B) (C) (D)

16 (A) (B) (C) (D)

17 (A) (B) (C) (D)

18 (A) (B) (C) (D)

19 (A) (B) (C) (D)

20 (A) (B) (C) (D)

MARKAH BAHAGIAN A